

### PENGENALAN

- 1) Wakaf merupakan suatu amalan yang disyariatkan oleh Islam kerana dengan berwakaf seseorang itu dapat membantu sesama insan.
- 2) Menurut Mazhab Imam An Nawawi Wakaf bererti terhalangnya harta yang boleh dimanfaatkan dari harta tersebut dengan mengekalkan zat harta tersebut.
- 3) Harta wakaf ini tertahan dari sudut pemilikannya dan manfaatnya boleh dinikmati bersama demi membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam secara amnya.
- 4) Oleh itu, satu pendekatan baru yang ditemui oleh Majlis Wakaf Malaysia bagi menjalankan usaha yang baik untuk membangunkan tanah wakaf yang terbiar dengan memperkenalkan konsep Musaqah dalam pertanian di Malaysia.

### RUKUN MUSAQAH

1. Kedua Pihak yang Berkontrak : Kontrak yang dibuat oleh seseorang yang diharuskan berurusan dalam perkara harta adalah sah. (berakal & baligh)

### RUKUN MUSAQAH (cont)

2. Objek Musaqah : Imam Syafie mensyariatkan buah kurma & anggur.
3. Buah : Pengkhususan bahagian bagi kedua pihak yang beraqad.
4. Kerja : Pengurus diberi kuasa sepenuhnya ke atas kerja berkenaan.
5. Ijab & Qabul : Ungkapan yang dibuat oleh pihak pemilik/pengurus.

### PANDANGAN MUSAQAH TERHADAP PERTANIAN

- Musaqah (bahasa) : saling menyiram.
- Musaqah (syara') : satu kontrak penyerahan tanaman kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil.
- Hukum Musaqah :
- majoriti ulama mengharuskan akad kontrak.
  - Abu Hanifah & Zufar tidak menggalakkan sama sekali.

### HUKUM

- Majoriti Ulama iaitu termasuk Imam Malik, Al-Syafie mengharuskan akad kontrak ini.
- Mankala Abu Hanifah dan Zufar berpendapat bahawa musaqah tidak diperbolehkan sama sekali. Majoriti ulama yang membolehkan akad ini adalah berlandaskan kepada hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

### HUKUM (cont)

"Ibnu Umar R.A telah menceritakan, bahawa Rasulullah s.a.w pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanah pertaniannya. (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

### KAITAN DIANTARA AGIHAN FAKTOR & AGIHAN PERSONAL

- Agihan faktor merujuk kepada agihan sumber yang dibahagikan kepada golongan miskin yang berkeupayaan untuk menjalankan pekerjaan.
- Agihan personal adalah merupakan peruntukan khas daripada golongan kaya.
- 2 jenis agihan ini berkait rapat kerana agihan personal membantu dalam melengkapkan agihan faktor.
- Agihan ini bermaksud golongan miskin yang sihat tubuh badan & fizikal akan diberi lima atau sepuluh ekar kebun untuk diusahakan.

### DALIL KONTRAK MUSAQAH

- (1)"Ibnu Umar r.a menceritakan, bahawa Rasulullah s.a.w pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanah pertaniannya." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)
- (2)"Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah ia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 atau 1/4 dan tidak ada hak yang ditentukan."
- (3)"Sedekah tidak halal bagi orang kaya, orang sihat dan kuat." (Hadis Riwayat Abu Hurairah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w)

### KESIMPULAN

- Kontrak Musaqah dapat mengatasi masalah pembangunan harta wakaf di Malaysia dan seterusnya menjana ekonomi umat Islam serta pembangunan sosial ummah yang lebih baik pada masa akan datang